

05 DEC 1998

Ling-kemalangan

BILANGAN KEMALANGAN MENURUN PETANDA MENGGALAKKAN, KATA LING

KUALA LUMPUR, Nov 5 (Bernama) -- Usaha pihak berkuasa untuk mengurangkan kemalangan jalanraya telah menunjukkan hasil yang menggalakkan dengan bilangan kemalangan maut menurun 7.1 peratus dari Januari hingga Oktober tahun ini berbanding dengan tempoh yang sama tahun 1997.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata bahawa 4,738 kemalangan maut berlaku dalam tempoh itu tahun lepas berbanding dengan 4,400 sehingga Oktober tahun ini.

Bercakap pada perasmian Pameran Sukan Bermotor Kuala Lumpur '98 di Subang dekat sini hari ini, bagi tempoh yang sama, bilangan orang yang terbunuh dalam kemalangan juga menurun 6.9 peratus daripada 5,232 pada tahun 1997 kepada 4,869 tahun 1998.

"Oleh kerana pemandu motosikal menyumbang 60 peratus daripada jumlah mereka yang terbunuh, pengurangan kadar kematian menunjukkan kempen-kempen keselamatan jalanraya, khususnya kempen multimedia yang disasarkan kepada penunggang motosikal sejak setahun lepas, telah mencapai kumpulan sasarannya," kata Ling yang mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada upacara itu.

Pameran sembilan hari itu, yang diadakan di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa (ITECS) (dulunya tapak terminal 1 Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah), dianjurkan oleh Le Proton Exhibitions.

Ini adalah pertama kali tapak itu digunakan untuk tujuan pameran dan apabila siap sepenuhnya, ITECS akan mempunyai ruang pameran dalam seluas 34,400 meter persegi dan ruang pameran luar 130,000 meter persegi.

Projek itu dijalankan oleh Malaysia Airports Berhad (MAB) melalui anak syarikatnya Malaysia Airports Management and Technical Services Sdn Bhd.

Dalam hubungan lain, Menteri Kebudayaan dan Seni Datuk Seri Sabbaruddin Chik yang juga hadir pada upacara itu, berkata MAB perlu membuat persiapan awal untuk Grand Prix Formula One (F-1) di Sepang tahun depan.

Beliau memberitahu pemberita pihak-pihak berkenaan perlu menyediakan pakej-pakej yang menarik untuk memikat para penggemar F-1 melawat tempat-tempat tarikan pelancong di negara ini selain daripada menonton perlumbaan itu.

MAB ialah penganjur acara berprestij itu.

Sabbaruddin berkata litaran Sepang, yang memakan belanja kira-kira RM300 jutan, perlu juga dipromosikan untuk acara-acara lain.

-- BERNAMA

MAM WAT